

18/04/1997

Nabi Ibrahim bertanyakan teknologi maklumat

Abdurrahman Haqqi

TATKALA diperintahkan kepada Nabi Ibrahim "Dan serulah umat manusia untuk mengerjakan ibadat haji, nescaya mereka akan datang (ke rumah Tuhanmu) dengan berjalan kaki dan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus, yang datangnye dari berbagai-bagai jalan (ceruk-rantau) yang jauh," (QS. al-Hajj: 27) beliau pun bertanya kepada Allah: "Wahai Tuhan, bagaimana hamba akan sampaikan seruan Engkau kepada manusia sedangkan suara hamba tak akan terdengar oleh mereka?"

Allah pun berfirman: "Jangan bimbang, seru sajalah! Kami yang akan menyampaikannya nanti."

Berikutan itu Nabi Ibrahim pun menyeru: "Wahai seluruh manusia, sesungguhnya Tuhanmu menjadikan Kaabah ini Rumah-Nya maka kerjakanlah ibadat haji! (Lihat riwayat Ibn Abbas, Mujahid, Ikrimah dan Ibn Jubair dalam kitab Ibn Jarir at-Tabari dan Ibn Abi Hatim).

Dalam riwayat di atas, saya nampak bagaimana Nabi Ibrahim sudah memikirkan teknologi maklumat yang isinya adalah alat penyampai maklumat. Ibrahim dengan suka hati menurut perintah Tuhan tetapi beliau bertanya bagaimana seruan beliau boleh sampai kepada seluruh manusia padahal yang ada ketika itu di sekitar Kaabah hanya beliau dan puteranya Ismail. Bagaimana dengan manusia lain pada waktu itu dan pada masa akan datang? Sampaikan seruannya? Hal ini disedari Nabi Ibrahim kerana beliau tahu suaranya hanya akan menjangkau kawasan yang sangat terhad.

Tetapi dengan teknologi maklumat abadi yang teramat canggih dan tidak akan lapuk, rosak dan hancur terkena virus sekalipun, seruan Nabi Ibrahim ini tetap kekal dan selalu diperdengarkan. Yang saya maksudkan dengan teknologi maklumat abadi di sini adalah mukjizat al-Quran sebagai salah satu tanda kebesaran Allah. Teknologi maklumat abadi ini tidak akan ada sesiapa yang mencabar dan menghancurkannya. Al-Quran adalah tanda kebesaran Allah.

Di samping itu, ada lagi kebesaran Allah yang dikenal dengan istilah ayat kauniah atau tanda kebesaran-Nya dalam bentuk kebendaan yang termasuk di dalamnya teknologi pelbagai cabang. Ini kerana teknologi adalah suatu ilmu yang mempelajari perkara berkaitan kemampuan dan keupayaan teknikal dalam pengertiannya yang sempurna dan syumul, berasaskan kepada pengetahuan ilmu fizik yang berdasarkan proses teknikal tertentu.

Untuk lebih jelas, teknologi adalah natijah daripada penerapan dan pengembangan ilmu terapan atau applied science yang bertujuan bukan saja untuk kemajuan ilmu itu tetapi untuk memecahkan masalah-praktikal dan mengatasi kesulitan yang dihadapi manusia. Ini berbeza dengan ilmu dasar atau basic science yang bertujuan mengetahui lebih baik dan memahami lebih mendalam mengenai alam dan seluruh isinya.

Suatu kenyataan yang tidak boleh dinafikan bahawa teknologi moden sangat mempengaruhi kehidupan masyarakat. Bahkan ia meresap hampir ke seluruh aspek kehidupan termasuk agama sehingga kesannya kadangkala adalah suatu cabaran yang harus segera diberikan jawapan dan penyelesaian oleh ulama khususnya dan cendekiawan amnya. Masih segar dalam ingatan kita kontroversi isu KRU dengan Getaran Jiwa Allahyarham Tan Sri P Ramlee.

Teknologi yang di dalamnya ada teknologi maklumat termasuk kategori keduniaan dalam kajian syariat Islam. Kategori ini termasuk dalam perkara yang didiamkan syarak dan ia memberikan wewenang sepenuhnya kepada umat untuk menetapkan semua hukumnya selagi tidak bertentangan dengan ketentuan

syarak.

Sebagai panduan ada sebuah hadis yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah menetapkan ketentuan-Nya, maka janganlah kamu mensia-siakannya. Dia menetapkan batasan-Nya, maka jangan kamu lampau. Dia melarang beberapa perkara, maka jangan kamu melanggarnya. Dan Dia mendiamkan beberapa perkara sebagai rahmat bagimu maka jangan kamu banyak bertanya mengenai hukum-Nya." (HR. Daruqutni).

Penguasaan teknologi maklumat adalah suatu kemestian kini. Kerana dengan penguasaan itu kita dapat, dalam skop yang terhad, mempromosi dan mempertahankan jati diri sebagai individu dan kelompok beragama, berbangsa dan bernegara. Pentingnya penguasaan teknologi maklumat dijelaskan kembali oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad dalam sidang video beliau Selasa lalu. Pada malam harinya, beliau mempraktikkan kecanggihan teknologi maklumat dengan temu bual secara langsung dengan Diana Lady Cogan, seorang ahli perunding MSC di Washington DC ketika acara perasmian dan pecah tanah Kuala Lumpur Sentral.

Andainya kita menguasai sepenuhnya teknologi maklumat dari peringkat permulaan hingga tinggi maka kita juga dapat menyampaikan mesej Nabi Ibrahim dalam seruan menunaikan ibadat haji. Kerana salah satu mesejnya adalah "Supaya mereka menyaksikan pelbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka, serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari yang tertentu, kerana pengurniaan-Nya kepada mereka dengan bintang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir, miskin. Kemudian hendaklah mereka membersihkan diri dan hendaklah menyempurnakan nazarnya dan hendaklah mereka tawaf mengelilingi Baitullah (Kaabah) yang tua sejarahnya itu." ((QS. al-Hajj: 28-29)

(END)